



04 APR, 2025

Putra Heights: 85 rumah diisytihar selamat, penghuni dibenar pulang

Harian Ekspres (KK), Malaysia



Putra Heights: 85 rumah diisytihar selamat, penghuni dibenar pulang

SHAH ALAM: Sebanyak 85 rumah yang terlibat dalam kebakaran saluran gas di Putra Heights, Subang Jaya telah disahkan selamat dan penghuni dibenarkan pulang ke rumah masing-masing mulai semalam.

Menteri Besar Selangor Datuk Seri Amirudin Shari berkata Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) serta penyedia utiliti seperti Tenaga Nasional Berhad (TNB) telah mengesahkan perkara itu, melibatkan kawasan di Taman Harmoni dan bekalan air serta elektrik telah disambungkan ke rumah terbabit.

"Pihak Pengerusi Jawatankuasa Bencana Daerah akan memaklumkan kepada setiap pemilik ini dan mereka diberi peluang untuk pulang ke kediaman masing-masing mulai Khamis.

"Dari semasa ke semasa kita akan lihat balik kerana setakat ini ada lebih kurang 115 rumah yang telah dianggap ataupun diisytihar selamat oleh JBPM," katanya pada sidang media di Bangunan Setiausaha Kerajaan Negeri (SUK) di sini, Khamis.

Terdahulu, Pegawai Daerah Petaling Huzunul Khaidil Mohammed dilaporkan berkata 115 pemilik kediaman yang terjejas akibat kebakaran saluran paip gas di Putra Heights dibenarkan masuk ke rumah mereka secara berfasa bermula Khamis bagi tujuan pemeriksaan.

Dalam pada itu, Amirudin berkata 1,254 mangsa daripada 308 keluarga telah dikenal pasti dan berdaftar dengan Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM), dengan dua mangsa sedang menerima rawatan di Unit Rawatan Rapi masing-masing di Hospital Kuala Lumpur dan Hospital Ampang akibat masalah respiratori.

"Selain itu, 630 mangsa daripada 157 keluarga sedang menduduki dua pusat pemindahan sementara (PPS) iaitu di PPS Dewan Serbaguna Masjid Putra Heights dan Dewan Camelia manakala baki 624 mangsa melibatkan 151 keluarga tidak menduduki PPS," katanya.

Beliau dalam masa sama turut menasihatkan mana-mana pihak yang ingin memberikan sumbangan di PPS untuk tidak menjadikan lokasi berkenaan sebagai tempat meletakkan barangan yang tidak perlu sekali gus menyebabkan berlakunya longgokan yang melampau.

"Kita juga bermula hari ini (Khamis) akan mengenakan langkah kawalan terhadap beberapa lokaliti, terutamanya di PPS kerana kita dapati terdapat kesesakan yang agak melampau dalam kalangan pelawat. – Bernama